

JHEP UMS anjur Kesenian Interkolej 2017

UB 30.11.2017 B2

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Pertandingan Kesenian Interkolej Siri Li, Sesi 2017/2018 (Kategori Tarian Melayu Kreatif) bertempat di Pentas Utama Tapak Tamu Gadang, UMS.


Pertandingan ini disertai lima kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Sri Angkasa dan Kolej Kediaman Usia

1 Borneo. Pemenang akan menerima Piala Pusingan, Piala Johan, Naib Johan dan Ketiga, Hamper, Sijil dan Koreografi Terbaik. Johan edisi kali ini dimenangi oleh Kolej Kediaman Tun Mustapha, Naib Johan, Kolej Kediaman Tun Fuad, Tempat Ke-3, Kolej Kediaman Excellent dan Koreografi Terbaik dimenangi Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Idea dari Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS ini

bertujuan untuk mencungkil bakat dikalangan pelajar UMS untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu juga Bahagian Kebudayaan Dan Kesenian Jabatan Hal Ehwal Pelajar ingin menyemarakkan dan menanamkan semangat cintakan budaya yang semakin tenggelam. Penyelaras program pertandingan kesenian interkolej sesi ini ialah Puan Norain Abd Razak.



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu.